

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 22 OGOS 2015 (SABTU)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Tangau minta pemimpin UPKO jelaskan isu semasa kepada akar umbi	BERNAMA
2.	MOSTI cadang wujudkan bandar angkasa dalam tempoh lima tahun	BERNAMA
3.	Cadang wujud bandar angkasa	Utusan Online
4.	RM70j bantu syarikat teknologi	Berita Harian
5.	Malaysia perlu syarikat berteknologi tinggi	Utusan Malaysia



## Tangau Minta Pemimpin UPKO Jelaskan Isu Semasa Kepada Akar Umbi

NABAWAN, 22 Ogos (Bernama) -- Pemangku Presiden Pertubuhan PasokmomoGun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO), **Datuk Madius Tangau** meminta barisan pemimpin parti itu memberi penjelasan kepada anggotanya di peringkat akar umbi tentang pelbagai isu terkini negara.

Beliau berkata mereka perlu turun padang untuk membantu memberi penjelasan kepada orang ramai tentang perkara sebenar berkaitan isu dan tuduhan yang dilemparkan terhadap kerajaan dan pemimpinnya.

Ketika melancarkan program Lawatan Bakti Rakyat parti itu di sini hari ini, **Tangau, yang juga Menteri Sains Teknologi dan Inovasi**, berkata UPKO perlu berdiri teguh bersama-sama kepimpinan negara dan "perkara ini perlu diterangkan dengan sejelas-jelasnya kepada rakyat".

"Para pemimpin parti khususnya, tidak lagi boleh percaya dengan semua tuduhan itu. Kita perlu mempunyai keyakinan terhadap kerajaan," katanya pada program itu yang diselenggarakan Biro Penyelidikan dan Latihan UPKO.

Sementara itu, Tangau membidas penganjur demonstrasi Bersih 4.0, yang dilaporkan memberi elaun RM400 kepada setiap individu yang menyertai demonstrasi itu.

"Bukankah suatu perbuatan rasuah apabila mengupah seseorang untuk menyertai demonstrasi bagi menggulingkan kerajaan yang memerintah?", tanyanya.

-- BERNAMA



## MOSTI Cadang Wujudkan Bandar Angkasa Dalam Tempoh Lima Tahun

JEMPOL, 21 Ogos (Bernama) -- Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi (MOSTI) bercadang mewujudkan sebuah bandar angkasa di negara ini bagi mendalami kajian dalam bidang aeroangkasa, dalam tempoh lima tahun.

Timbalan menterinya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata MOSTI sudah mengenal pasti kawasan untuk dijadikan bandar angkasa itu.

"Tempat sudah ada... daripada segi kemudahan, kepadatan penduduk, kedudukan latitud, sangat sesuai untuk letak roket, jadi di situ akan ada bandar angkasa.

"Di bandar angkasa ini nanti, kita ada pusat penyelidikan yang menumpukan pada pendidikan angkasa lepas, institusi penyelidikan angkasa lepas dan latihan untuk angkasa lepas.

"Kita juga nak buat satu pelancar roket seperti yang ada di Pusat Angkasa Guiana di French Guiana, Amerika Selatan untuk membolehkan negara di rantau Asia Tenggara menggunakan kemudahan itu bagi tujuan penyelidikan angkasa lepas," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas berakhir Majlis Bacaan Yasin 58 Jam Berterusan Untuk Negara di MRSM Seriting, di sini Jumaat.

Abu Bakar berkata dengan kewujudan bandar angkasa itu nanti, MOSTI menyasarkan sekurang-kurangnya 70 peratus penyelidikan di negara ini akan menjurus ke arah bidang angkasa lepas.

"Saya nampak penyelidikan di Malaysia akan lebih berfokus dan ini sesuai dengan matlamat negara menjadi negara berpendapatan tinggi dengan mengeluarkan teknologi sendiri.

"Sudah tentu penyelidikan dalam bidang lain mesti diteruskan tetapi untuk menyokong bandar angkasa ini, kita memerlukan banyak penyelidikan baru," katanya.

Beliau berkata kewujudan bandar angkasa ini dijangka mewujudkan sekurang-kurangnya 10,000 peluang pekerjaan dengan 40 peratus daripadanya terdiri daripada golongan profesional.

Dalam perkembangan lain, Abu Bakar berkata MOSTI telah membelanjakan sebanyak RM928 juta dalam bidang penyelidikan dan pembangunan untuk tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Sementara itu, program bacaan Yasin itu merupakan acara julung kali diadakan di MRSM Seriting bersempena dengan 58 tahun kemerdekaan Malaysia.

Program ini disertai 308 peserta terdiri daripada pelajar, guru dan staf sokongan.

Dalam program itu, peserta memulakan bacaan Yasin tanpa henti selama 58 jam bermula pada jam 12.01 tengah malam 19 Ogos dan berakhir pada hari ini jam 10 pagi, sambil dipantau wakil Malaysia Books of Records.

BERITA ONLINE  
UTUSAN.COM  
TARIKH: 22 OGOS 2015 (SABTU)



## Cadang wujud bandar angkasa



Abu Bakar Mohamad Diah (tengah) bersama pelajar sambil memegang sijil pengiktirafan Malaysia Book of Records yang diterima MRSM Serting semasa Majlis Bacaan Yassin 58 Jam Berterusan Untuk Negara di Jempol, Negeri Sembilan, semalam.

**JEMPOL 21 Ogos - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** bercadang mewujudkan sebuah bandar angkasa di negara ini bagi mendalami kajian dalam bidang aeroangkasa, dalam tempoh lima tahun.

**Timbalan menterinya, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah** berkata, MOSTI sudah mengenal pasti kawasan untuk dijadikan bandar angkasa itu.

"Tempat sudah ada... dari segi kemudahan, kepadatan penduduk, kedudukan latitud, sangat sesuai untuk letak roket, jadi di situ akan ada bandar angkasa.

